

Pameran percuma 'Hutan Kita' sehingga Ahad ini

BH ms 15 18/09/2019

Kuala Lumpur: Pameran 'Hutan Kita' yang diadakan di Menara Kuala Lumpur, akan terus dibuka kepada orang awam sehingga 22 September ini dan kemasukan adalah percuma.

Justeru, bagi anda yang belum berkunjung atau berpeluang menyaksikan Pameran terbesar, Spesies Pokok Hutan Hujan Tropika itu, bolehlah mengambil kesempatan untuk mengunjungi pameran berkenaan.

Pameran ini berpotensi untuk menarik ramai pengunjung, malah ia sudah menerima pengiktirafan dari 'Malaysia Book of Records' (MBOR) sebagai pameran terbesar yang seumpamanya di dalam negara ini.

Acara itu memperlihatkan 850 spesies pokok hutan hujan tropika yang berbeza dan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata Malaysia adalah satu antara 12 negara yang memiliki mega-diversiti meluas, berikutan kekayaan sumber biodiversitinya dengan hampir 70 peratus spesies diketahui di dunia boleh ditemui di negara ini.

Beliau berkata, Malaysia memiliki lebih dari 15,000 spesies tumbuhan vaskular dengan anggaran 8,300 daripadanya di Semenanjung Malaysia dan 12,000 lagi di Sabah dan Sarawak.



Antara orang ramai yang hadir pada pameran 'Hutan Kita' di Menara Kuala Lumpur.

(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

Sijil Pengiktirafan MBOR disampaikan kepada Xavier dan disaksikan oleh Dr Mahathir pada majlis pelancaran rasmi yang diadakan pada 23 Ogos lalu.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut mengumumkan pokok Merbau (pokok jati Melaka) sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia.

Pokok Merbau dipilih sebagai

simbol keutuhan hutan negara, hasil daripada usaha pengurusan yang mampan dan usaha pemuliharaan biodiversiti Malaysia dan juga sebagai lambang pentingnya hutan kepada industri dan ekonomi negara.

Pameran yang diadakan itu antara inisiatif pihak kementerian di bawah Program Konservasi Hu-

tan Kita 2019-2020 dan disasarkan untuk mengetengahkan kekayaan hutan negara di samping usaha yang dilaksanakan dalam menjaga dan memulihara hutan negara.

Sasaran pameran ini adalah peningkatan kesedaran rakyat terhadap pentingnya pemuliharaan hutan kita bagi memasti-

kan kelangsungan dan kesejahteraan hidup rakyat dan meningkatkan reputasi negara dalam pengurusan hutan secara mampan.

Pelbagai aktiviti dirancang bersempena pameran berkenaan, antaranya program penanaman pokok, pertandingan fotografi dan mewarna.